

## Bentuk Puisi Tradisional Iban *Timang Jalung*

*The forms of Iban Traditional Poetry Timang Jalung*

Ngabong Anak Kato  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

[ngabong.katoi73@gmail.com](mailto:ngabong.katoi73@gmail.com)

**Received:** 01 November 2021; **Accepted:** 20 December 2021; **Published:** 21 December 2021

**To cite this article (APA):** Kato, N. (2021). Bentuk Puisi Tradisional Iban *Timang Jalung*. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 115-130. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.9.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.9.2021>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk puisi *timang jalung* yang dinyanyikan oleh sekumpulan *lemambang* dalam upacara *gawai antu*. Kajian ini memanfaatkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kerja lapangan dan kajian kepustakaan serta analisis kandungan. Sampel kajian ialah *lemambang* yang menyanyikan puisi *timang jalung* di daerah Betong dan Saratok. Teori strukturalisme digunakan untuk menganalisis bentuk puisi *timang jalung*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi *timang jalung* distrukturkan oleh baris dan rangkap. Kesimpulannya, bentuk puisi *timang jalung* diolah berdasarkan pengulangan suku kata pada akhir perkataan dalam baris dan di akhir baris dalam sesuatu rangkap. Implikasinya ialah kajian ini akan memberi pengetahuan tentang konvensi dan bentuk *timang jalung*. Pengetahuan tersebut dapat dijadikan sumber rujukan kepada para penulis untuk mencipta puisi moden yang berakar-umbikan tradisi.

**Kata kunci:** *lemambang; gawai antu; timang jalung; teori strukturalisme*

### ABSTRACT

This study aims to analyze the forms of *timang jalung* sung by a group of *lemambang* during the *gawai antu* ceremony. This study utilizes a qualitative approach by using field research and literature review as well as content analysis. Meanwhile, the sample of study focused on *lemambang* who sang *timang jalung* poems in Betong and Saratok. Structuralism is used to determine access to the form of *timang jalung* poetry. The findings of this study showed that *timang jalung* poetry is structured by lines and verses. In conclusion, the forms of *timang jalung* poems were processed based on the repetition of syllables at the end of a sentence and the end of a line in a stanza. The implications from this study will provide knowledge about the conventions and forms of the *timang jalung*. Moreover, the knowledge can be used as a source of reference for the writer to create modern poetry rooted in tradition.

**Keywords:** *lemambang; gawai antu; timang jalung; structuralism theory*

### PENGENALAN

*Timang jalung* ialah puisi tradisional Iban bercorak invokasi. Puisi ini dinyanyikan untuk memenuhi keperluan dalam kepercayaan tradisi. Perkataan *timang* bermaksud nyanyian, manakala *jalung* bermaksud mangkuk. Maka, *timang jalung* dalam bahasa Melayu bermaksud nyanyian mangkuk. Puisi *timang jalung* yang dinyanyikan dalam upacara *gawai antu*, iaitu upacara memberikan kesempurnaan hidup (*merantu*) kepada ahli keluarga yang telah meninggal dunia (Sandin, 1972, ms. 1). Tujuan puisi *timang jalung* dinyanyikan dalam upacara *gawai antu* ialah untuk menjemput roh orang mati yang mendiami alam kematian menghadiri upacara tersebut.

Puisi *timang jalung* disampaikan secara lisan oleh lima orang pelaku ritual yang dinamakan sebagai *lemambang*. Lima orang *lemambang* tersebut ialah seorang *pematak jalai*, seorang *penyaut* dan tiga orang *pengelembung*. *Pematak jalai* merupakan ketua dan dia menyampaikan puisi *timang jalung* secara bergilir-gilir dengan *penyaut*. *Pengelembung* pula berperanan sebagai penyanyi korus. Sebelum memulakan nyanyian para *lemambang* menggigit parang dan meletakkan parang di atas bahu sebelah menyebelah. Ritual ini dibuat untuk memperkuatkan *semangat* para *lemambang* yang mengadakan persembahan. Para *lemambang* juga memegang tempayan supaya *semangat* mereka dilindungi. Air tapai dituang ke dalam mangkuk kemudian dibungkus dengan kain atau sapu tangan. Mangkuk yang mengandungi air tapai dibawa oleh *lemambang* sepanjang nyanyian. *Lemambang* menyanyikan puisi *timang jalung* sambil memegang mangkuk bermula kira-kira pukul sembilan malam sehingga pukul empat pagi. Air tapai ini diminum oleh *raja berani* semasa acara *jalung nuntung* (mangkuk singgah), sebagai wakil kepada roh orang mati. *Lemambang* menyanyikan puisi *timang jalung* di tiga lokasi iaitu, di bilik (rangkap 1-10), *ruai* (berandah bawah) (Rangkap 11-70) dan *pantar* (berandah atas) (Rangkap 71-89). Rangkap puisi *timang jalung* dapat dilihat dalam jadual 1. Puisi *timang jalung* yang bercorak lisan ini mempunyai bentuk yang kompleks. Oleh yang sedemikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis bentuk puisi *timang jalung* dari aspek baris dan rangkap.

**Jadual 1:** Rangkap dalam puisi *timang jalung*

Bil	Rangkap
1	<i>Lemambang</i> Memulakan Nyanyian ( <i>Lemambang Berengkah Nimang</i> )
2	Menegur Suara <i>Lemambang</i> ( <i>Ngerara Sura Nyawa Lemambang</i> )
3	Mereka yang Berani Hati Menjerat ( <i>Sida ti Berani Ati Manjuk</i> )
4	Mencari Tanah / (Begiga Tanah)
5	Mencari Penghalang Jerat (Begiga Sabar)
6	Mencari Kayu Jerat (Begiga Baur)
7	Mencari Umpan (Begiga Umpan)
8	Memeriksa Jerat (Ngabas Panjuk)
9	<i>Lemambang</i> Ingin Berangkat dari Bilik ( <i>Lemambang Deka Angkat Ari Bilik</i> )
10	<i>Lemambang</i> Keluar ke <i>Ruai</i> ( <i>Lemambang Pansut ke Ruai</i> )
11	<i>Lemambang</i> Membuang Semangat Ketulahan ( <i>Lemambang Muai Antu Busung</i> )
12	<i>Lemambang</i> Membawa Azimat Tidak Ketulahan ( <i>Lemambang Mai Ubat Enda Busung</i> )
13	<i>Lemambang</i> Menyanyikan Peralatan Roh Orang Mati ( <i>Lemambang Nimang Perengka Sebayan</i> )
14	<i>Lemambang</i> Mencari Mangkuk ( <i>Lemambang Begiga Mangkuk</i> )
15	<i>Lemambang</i> Mencari Air Tapai ( <i>Lemambang Begiga Ai Tuak</i> )
16	Roh Orang Mati Mendengar Bunyi Gendang ( <i>Sebayan Ninga Munyi Bebendai enggau Setawak</i> )
17	Bertanyakan Berita ( <i>Nanyaka Berita</i> )
18	Roh Orang Mati Turun Mengunjungi Upacara ( <i>Sebayan Bebai Ngabang</i> )
19	Roh Orang Mati Sampai di Pohon <i>Sabang</i> ( <i>Sebayan Manggai di Pun Sabang</i> )
20	Roh Orang Mati Sampai di Pohon Limau ( <i>Sebayan Manggai di Pun Limau</i> )
21	Roh Orang Mati Sampai di Batu Berselerakan ( <i>Sebayan Manggai di Batu Karak</i> )
22	Roh Orang Mati Sampai di Batu Jadian ( <i>Sebayan Manggai di Batu Kudi</i> )
23	Roh Orang Mati Sampai di Muara Sungai <i>Lupa</i> ( <i>Sebayan Manggai di Nanga Lupa</i> )
24	Roh Orang Mati Sampai di Pohon <i>Kepayang Arak</i> ( <i>Sebayan Manggai Pun Kepayang Arak</i> )
25	Roh Orang Mati Sampai di Pohon <i>Ranyai</i> ( <i>Sebayan Manggai di Pun Ranyai</i> )
26	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Semasa Dilahirkan ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Lulus</i> )
27	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Lemas ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Lemas</i> )
28	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Melahirkan Anak ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Beranak</i> )
29	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Jatuh ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Labuh</i> )
30	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Makan Tuba ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Makai Tubai</i> )
31	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Dibunuh ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Beunuh</i> )
32	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Terkena Tembakan Senapang ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Laban Senapang</i> )
33	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Sesat ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Tesat</i> )
34	Roh Orang Mati Sampai di Wilayah Orang Mati Luka ( <i>Sebayan Manggai di Menua Orang Mati Telih</i> )

- 35 Roh Orang Mati Sampai di Tanjung yang Membengkok (*Sebayan Manggai di Tanjung Ngelung Betiku*)
- 36 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Indai Bilai* (*Sebayan Manggai di Menua Indai Bilai*)
- 37 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Ensing Jara* (*Sebayan Manggai di Menua Ensing Jara*)
- 38 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Bunsu Cacing* (*Sebayan Manggai di Menua Bunsu Belut*)
- 39 Roh Orang Mati Sampai di Pintu Tanah (*Sebayan Manggai di Pintu Tanah*)
- 40 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Seiba-Iba* (*Sebayan Manggai di Menua Seiba-Iba*)
- 41 Roh Orang Mati Sampai di Pohon Buluh *Seni* (*Sebayan Manggai di Munti Seni*)
- 42 Roh Orang Mati Sampai di Pohon Buluh *Payan* (*Sebayan Manggai di Madang Payan*)
- 43 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Langau* (*Sebayan Manggai di Menua Langau*)
- 44 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Bunsu Raja Remaung* (*Sebayan Manggai di Menua Bunsu Remaung*)
- 45 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Bunsu Burung Kuang Kebat* (*Menua Bunsu Burung Kuang Kebat*)
- 46 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Bunsu Burung Tiup Papi* (*Menua Raja Bunsu Tiup Papi*)
- 47 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Bunsu Indai Semalau Lanjau* (*Menua Bunsu Indai Semalau Lanjau*)
- 48 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Bunsu Indai Sebelangkang Biring* (*Sebayan Manggai di Menua Bunsu Indai Sebelangkang Biring*)
- 49 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Raja Bunsu Bubut Buban* (*Sebayan Manggai di Menua Raja Bunsu Bubut Buban*)
- 50 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Raja Bunsu Bubut Berani* (*Sebayan Manggai di Menua Raja Bunsu Bubut Berani*)
- 51 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Bunsu Indai Burung Undan* (*Sebayan Manggai di Menua Bunsu Indai Burung Undan*)
- 52 Roh Orang Mati Sampai di Wilayah *Bunsu Indai Burung Raya* (*Sebayan Manggai di Menua Bunsu Indai Burung Raya*)
- 53 Roh Orang Mati Sampai di Unggun Api (*Sebayan Manggai di Tungkun Api*)
- 54 Roh Orang Mati Sampai di Pohon *Dandi Liat* (*Sebayan Manggai di Dandi Liat*)
- 55 Roh Orang Mati Sampai di Dataran Rata Ditaburi Bara Api (*Sebayan Manggai di Lempa*)
- 56 Roh Orang Mati Sampai di Muara Sungai Lupa (*Sebayan Manggai di Nanga Sungai Lupa*)
- 57 Roh Orang Mati Sampai di Bukit (*Sebayan Manggai di Bukit*)
- 58 Roh Orang Mati Sampai di Hutan Tebal (*Sebayan Manggai di Kampung Baung*)
- 59 Roh Orang Mati Sampai di Hutan Sunyi (*Sebayan Manggai di Kampung Sunyi*)
- 60 Roh Orang Mati Sampai di Bekas Huma *Temuda* (*Sebayan Manggai di Temuda*)
- 61 Roh Orang Mati Sampai di Bekas Huma *Jerami* (*Sebayan Manggai di Jerami*)
- 62 Roh Orang Mati Sampai di *Panduk* (*Sebayan Ngabas Panduk*)
- 63 Roh Orang Mati Sampai di Kawasan Buah-Buahan (*Sebayan Manggai Tembawai Madang Buah*)
- 64 Roh Orang Mati Sampai di Permandian (*Sebayan Manggai di Pendai*)
- 65 Roh Orang Mati Beradu (*Sebayan Begari*)
- 66 Roh Orang Mati Berangkat (*Sebayan Angkat*)
- 67 *Lemambang* Memukul Sisa Tuba (*Lemambang Nenchang Rampang Tubai*)
- 68 *Lemambang* Memukul Sisa Bungai (*Lemambang Nenchang Rampang Bungai*)
- 69 *Lemambang* Mengiring Perempuan (*Lemambang Ngiring Indu*)
- 70 Air Tapai Melintasi *Raja Berani* (*Ai Tuak Mansa Raja Berani*)
- 71 Air Tapai Menjumpai *Raja Berani* (*Ai Tuak Tetemuka Raja Berani*)
- 72 Air Tapai Ingin Memasuki Dakapan *Raja Berani* (*Ai Tuak Deka Menselit Kepit Raja Berani*)
- 73 *Lemambang* Berjalan Mendekati *Raja Berani* (*Lemambang Mansang Ngagai Raja Berani*)
- 74 Air Tapai Mencontohi Cara Merapat Musuh oleh *Rekaya* (*Ai Tuak Betunda Rakit Bala Rekaya*)
- 75 Air Tapai Ingin Menjatuhkan Kain Pengikat Kepala *Raja Berani* dan Mencabut Rambut Anak Jantan (*Ai Tuak Ningkilka Labung Raja Berani enggau Ngusaika Gundai Anak Lelaki*)
- 76 *Lemambang* Bertanyakan Mimpi *Raja Berani* (*Lemambang Nanyaka Mimpi Raja Berani*)
- 77 *Lemambang* Bertanyakan Nama Julukan *Raja Berani* (*Lemambang Nanyaka Begela Raja Berani*)
- 78 *Lemambang* Memuji *Raja Berani* (*Lemambang Muji Raja Berani*)
- 79 *Lemambang* Memberikan Gelaran *Raja Berani* (*Lemambang Ngela Raja Berani*)
- 80 *Lemambang* Membuat Nama Julukan Mangkuk (*Lemambang Ngaga Bejuluk Mangkuk*)
- 81 *Lemambang* Membuat Nama Julukan Air Tapai (*Lemambang Ngaga Bejuluk Ai Tuak*)
- 82 Air Tapai Bertukar (*Ai Tuak Bebali*)
- 83 *Lemambang* Menyuruh *Bunsu Burung* Memberikan Air Tapai Kepada *Raja Berani* (*Lemambang Nginjau Bunsu Burung Nyuaka Ai Tuak Kepada Raja Berani*)
- 84 *Lemambang* Menyuruh *Bunsu Antu* Memberikan Air Tapai Kepada *Raja Berani* (*Lemambang Nginjau Bunsu Antu Nyuaka Ai Tuak Kepada Raja Berani*)
- 85 Bertukar Peranan Memberikan Air Tapai Kepada *Raja Berani* (*Besua Asa Besilih Ganti Nyuaka Ai Tuak Kepada Raja Berani*)

- 86 Perempuan Memberikan Air Mangkuk kepada *Raja Berani* (*Indu Nyuaka Ai Jalung Ngagai Raja Berani*)  
87 *Raja Berani* Mula Minum *Ai Jalung* (*Raja Berani Ngirup Ai Jalung*)  
88 Mengembalikan Roh Orang Mati (*Mulaika Semangat Sebayan*)  
89 Mengembalikan Semangat *Lemambang*, *Bujang Berani* dan Perempuan Memberikan Air Tapai (*Mulaika Semangat Lemambang, Raja Berani enggau Indu ke Nyua*)
- 

Sumber: Manuskrip Puisi Timang Jalung Jantin Anak Bunyau

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menyatakan bentuk puisi *timang jalung* dari aspek baris dan rangkap.

## SOALAN KAJIAN

Bagaimanakah bentuk baris dan rangkap puisi *timang jalung*?

## KAJIAN LITERATUR

Patricia Matusky (2004) membincangkan tentang bentuk puisi tradisional Iban yang dinamakan sebagai *pantun* dari aspek baris dan rangkap. Menurut beliau puisi *pantun* distrukturkan oleh *verse* atau *stanza* (rangkap). Bilangan baris (*line*) untuk satu *verse* adalah tidak tetap. Rangkap dalam puisi *pantun* dibentuk oleh sekumpulan baris yang menyatakan sesuatu idea. Beliau menjelaskan dalam baris terdapat rima dalaman (*internal rhyme*). Rima dalaman merujuk kepada pengulangan bunyi yang sama dalam suku kata akhir perkataan. Rima dalaman ini akan bertukar dari baris ke baris. Contoh rima dalaman yang dinyatakan oleh Patricia Matusky ialah bunyi suku kata *ai*. Patricia Matusky juga membincangkan tentang rima akhir dalam rangkap puisi *pantun*. Beliau menyatakan rima akhir ialah penggunaan bunyi suku kata yang sama pada akhir perkataan. Perkataan tersebut berada di akhir baris dalam baris sesuatu rangkap. Skema rima akhir ini digunakan pada perkataan terakhir supaya bunyi suku kata terakhir dalam rangkap menjadi sama ataupun hampir sama. Manakala suku kata pada perkataan yang terakhir dalam rangkap ialah bunyi suku kata *ang*. Beliau menamakan rima ini sebagai konvensi puisi (*poetical convention*). Beliau memberikan satu contoh rangkap puisi *pantun* yang rima akhirnya bunyi suku kata *a*.

Masing (2001) menjelaskan tentang elemen bunyi dalam puisi tradisional Iban yang dinamakan sebagai *timang gawai amat*. Menurut beliau rima dalaman (*internal rhyme*) diperoleh dengan menggunakan bunyi yang sama pada akhir suku kata. Irama pula diperoleh dengan menggunakan perkataan yang mempunyai dua suku kata, contohnya *gilik, tasik, indik, kalik, mudik*. Terdapat dua jenis skema rima akhir iaitu, pola *a, b, a, b* dan *a, b, a, b* yang muncul pada monolog di mana baris pertama menyatakan keadaan dan baris kedua menerangkannya. Masing menyatakan terdapat kerumitan untuk mengkategorikan bunyi, iaitu perbezaan skema rima yang bersifat tidak sekata yang menyebabkan ia mustahil untuk dikategorikan.

Clifford Sather (2001) dalam kajiannya tentang struktur dan rima puisi tradisional Iban yang dinamakan sebagai *pelian*. Sather menamakan rangkap dalam puisi *pelian* sebagai *telian*. *Telian* atau rangkap mengandungi rima akhir yang dinamakan sebagai *enteli* atau *enteli main*. Setiap *enteli* terdiri daripada dua atau lebih baris yang mempunyai persamaan bunyi rima akhir. Sather menyenaraikan 10 *enteli main* dalam puisi tradisional *pelian* iaitu suku kata *an, a* atau *a?*, *ai, ang, ung, i, uk, au, u?*, *ak* dan *ik*. *Enteli main* bunyi suku kata *an* dinamakan sebagai *lebu ngidan*, suku kata *a* atau *a?* dinamakan *lebu nyangka?*, suku kata *ai* dinamakan sebagai *lebu nagai*, suku kata *ang* dinamakan sebagai *lebu ngadang*, suku kata *ung* dinamakan sebagai *lebu nyangkung* dan suku kata *i* dinamakan sebagai *lebu nangi*. Jantan Umbat (2013) menjelaskan tentang bentuk puisi *pelian* dari aspek baris dan rangkap. Jantan telah menambah satu lagi jenis *enteli main* dalam puisi *pelian* iaitu, bunyi suku kata *ap* dan *at*.

Philip Langie (2013) dalam penulisannya menjelaskan rima akhir dalam puisi *jaku main*. Beliau menamakan rima akhir sebagai *batang entelie*. Menurutnya *batang entelie* selalunya digunakan untuk menyusun rangkap (dinamakan beliau sebagai *entelian*) puisi *jaku main* dalam majlis perkahwinan masyarakat Iban di daerah Saratok, Sarawak. Langie telah menyenaraikan 18 *batang entelie* iaitu, *batang lebu asa* atau *sina*, *batang lebu bedaja*, *batang lebu nagai*, *batang labah nangi* atau *nyeni*,

*batang lebu empating* atau *ngining*, *batang lebu enchawil*, *batang lebu megit*, *batang lebu nginak*, *batang lebu engkauk*, *batang lebu ngadang*, *batang lebu ngidan*, *batang lebu nyangkung*, *batang lebu nganti*, *batang lebu nginau*, *batang lebu mejah*, *batang lebu ngaku*, *batang lebu entipu* dan *batang lebu engkauh*.

Vinson Sutlive (2012) membincangkan unsur bunyi yang membentuk struktur puisi tradisional Iban yang dinamakan sebagai *sabak*. Menurut beliau puisi *sabak* mempunyai persamaan bunyi pada suku kata di akhir baris. Beliau telah memberi satu contoh analisis rima akhir dalam satu rangkap puisi *sabak*. Bunyi suku kata di akhir baris ialah bunyi *gu', du', sa, sa, ya, ka, ga*, dan *ra*. Suku kata akhir di perkataan dalam baris terakhir dalam rangkap ialah *nang*.

Otto Steinmayer (1999) menyatakan puisi Iban dibangunkan dengan sangat baik dan mengandungi beribu-ribu rima. Rima digunakan oleh para *lemambang* untuk membentuk rangkap yang dijalin erat dan penuh muzik bahasa. Irama puisi Iban, sebahagian besarnya menurut Otto Steinmayer adalah bersifat *iambic*, bergerak secara berpola di mana satu suku kata tidak diberi tekanan dan satu suku kata diberi tekanan. Beliau menjelaskan bahawa puisi Iban menunjukkan kerumitan metrikal (*metrical complexities*) yang setakat ini belum ada yang telah membuat analisis.

Tinjauan literatur telah membantu pengkaji untuk memahami bentuk puisi *timbang jalung* dari aspek baris dan rangkap. Penulisan Patricia Matusky tentang rima dalaman yang terbentuk dari penggunaan suku kata di akhir perkataan. Dapatan Masing tentang rima yang dalaman terdapat dalam puisi tradisional *timbang amat*. Masing juga menjelaskan bahawa skema rima puisi *timbang amat* ialah *aaab*. Pengkaji juga memahami bentuk puisi *timbang jalung* berpandukan penulisan Clifford Sather tentang *enteli* atau *enteli main* dalam puisi *pelian*. Jantan Uambat telah memperluaskan perbincangan Sather tentang jenis *enteli main* dalam rangkap. Contoh *enteli* yang diberikan oleh Sather dan Jantan membantu pengkaji menganalisis rima akhir puisi *timbang jalung*. *Batang enteli* yang disenaraikan oleh Philip Langie mengukuhkan lagi pemahaman tentang jenis bunyi suku kata dalam rima akhir. Analisis unsur bunyi yang dinyatakan oleh Vinson Sutlive dalam puisi *sabak* walaupun kurang komprehensif tetapi membantu dalam menganalisis rangkap puisi *timbang jalung*. Pendapat Otto Steinmayer tentang puisi Iban yang mengandungi beribu-ribu rima menyedarkan pengkaji bahawa rima dalaman dan rima akhir puisi *timbang jalung* mengandungi pelbagai suku kata yang belum dikenal pasti. Pernyataan Masing tentang kerumitan untuk mengkategorikan bunyi dalam puisi *timbang amat* yang pada beliau ia adalah mustahil untuk dikategorikan. Pernyataan Masing ini menyedarkan pengkaji bahawa menganalisis bentuk terutamanya dari aspek rima dalaman dan rima akhir puisi *timbang jalung* adalah tugas yang rumit dan mencabar.


## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kerja lapangan dan kajian kepustakaan serta analisis kandungan. Pendekatan kualitatif digunakan kerana kajian ini berbentuk deskriptif dan eksplorasi untuk mendapatkan pemahaman yang terperinci terhadap puisi *timbang jalung* yang mengandungi beribu-ribu perkataan dan bersifat kompleks. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan iaitu, satu puisi *timbang jalung* dan beberapa orang *lemambang* yang menyanyikannya dalam upacara *gawai antu*. Sampel yang dipilih ini dapat digunakan untuk membuat generalisasi terhadap bentuk puisi *timbang jalung*. Hal ini demikian kerana puisi *timbang jalung* yang dijadikan sampel telah berulang kali dinyanyikan dalam upacara *gawai antu*. *Lemambang* yang dijadikan sampel juga mempunyai pengalaman yang luas dalam persembahan nyanyian puisi *timbang jalung* dan amat dikenali oleh masyarakat tempatan.

Data diperolehi melalui pengumpulan teks puisi *timbang jalung*, pemerhatian turut serta dan temu bual semi berstruktur. Pengkaji membuat pengumpulan teks puisi *timbang jalung* daripada informan. Teks tersebut ditranskripsikan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah '*enteli*'. Pengkaji melakukan analisis terhadap terhadap teks puisi *timbang jalung* yang telah ditranskripsikan. Pemerhatian turut serta dilakukan oleh pengkaji dengan menghafal teks puisi *timbang jalung* dan menyanyikan bersama *lemambang* dalam upacara *gawai antu*. Pemerhatian turut serta membolehkan pengkaji mendapatkan pemahaman yang autentik terhadap bentuk puisi *timbang jalung*. Temu bual semi

berstruktur dibuat terhadap informan yang juga merupakan sampel dalam kajian ini. Soalan temu bual berkisar kepada perkara yang berkaitan dengan bentuk puisi *timbang jalung*.

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori strukturalisme. Teori ini digunakan untuk menjelaskan bentuk puisi *timbang jalung*. Teori ini dipilih kerana puisi *timbang jalung* (karya sastera) mempunyai kesatuan dan kepaduan yang kompleks dan sebuah teks merupakan jalinan keseluruhan segala aspek yang membentuknya (Mana Sikana, 2015). Teori strukturalisme dijadikan sebagai dasar sokongan teori (*basis for theoretical support*) untuk menjelaskan unsur-unsur yang membentuk struktur puisi *timbang jalung*. Teori ini amat sesuai untuk merungkai organisasi puisi *timbang jalung* yang sangat rumit dan setiap unsurnya saling berkaitan antara satu sama lain.



Rajah 1: Reka Bentuk Kajian

## DAPATAN KAJIAN

Bentuk puisi *timbang jalung* dapat dibahagikan kepada baris dan rangkap. Puisi *timbang jalung* dibentuk oleh hanya satu baris. Pengkaji menamakan baris ini sebagai *telian*. Struktur baris terdiri daripada pembukaan baris, isi, pengakhiran baris dan penutup baris. Pembukaan baris menggunakan vokabel *uh..uh..*. Kemudian diikuti oleh isi. Pengakhiran baris dinamakan sebagai *ngempas* (pengakhiran). Penutup baris sama seperti pembukaan baris menggunakan vokabel *uh...uh....*. Struktur baris dapat dilihat dalam jadual 2.

Jadual 2: Struktur baris puisi *timbang jalung*

<i>Timang Jalung</i>	Terjemahan
----------------------	------------

Uh...uh...(Pembukaan Baris)	Uh...uh...(Pembukaan Baris)
Nyaduh betubuh bala lemambang... tuak...uh begiga	Memberitahu kumpulan lemambang ... air tapai...uh
ya...(isi)	mencarinya...(isi)
uh...uh...	Uh..uh...
Begiga ai tuak (Pengakhiran Baris)	Mencari air tapai (Pengakhiran Baris)
Uh...uh...(Penutup Baris)	Uh...uh...(Penutup Baris)

**Sumber:** Manuskrip Puisi Timang Jalung Jantin Anak Bunyau

Pengkaji mengenal pasti pengulangan bunyi suku kata dalam baris. Bunyi suku kata tersebut berada pada akhir perkataan dalam sesuatu baris. Bunyi suku kata tersebut diulang sebanyak dua kali atau lebih. Pengulangan bunyi suku kata ini membentuk rima dalaman. Kebanyakan perkataan di akhir baris pula didapati terdiri daripada perkataan yang diakhiri dengan suku kata *ang*. Terdapat juga perkataan akhir baris yang bukan daripada suku kata *ang* tetapi ia adalah tidak dominan. Pengulangan suku kata di akhir perkataan dalam baris ditunjukkan dalam jadual 3 dan jadual 4.

**Jadual 3:** Contoh pengulangan suku kata di akhir perkataan dalam baris dan baris diakhiri oleh perkataan yang mengandungi suku kata ang

Bil	Timang Jalung	Terjemahan
1	Lalu bebata <u>ak</u> bala Ngerai baka un <u>ak</u> rutan jeren <u>ang</u> . (Pengulangan suku kata <u>ak</u> dan akhir baris suku kata <u>ang</u> )	Lalu bertarik tangan rombongan Ngerai seperti onak rotan merah.
2	Lalu begel <u>ih</u> bala Ngerai enggau rip <u>ih</u> tiang medang. (Pengulangan suku kata <u>ih</u> dan diakhiri dengan suku kata <u>ang</u> )	Lalu dilintasi rombongan Ngerai barisan tiang kayu medang
3	Manggai di dal <u>uh</u> tinggang rup <u>uh</u> tali tek <u>ang</u> . (Pengulangan suku kata <u>uh</u> dan diakhiri dengan suku kata <u>ang</u> )	Sampai di lurah tempat jatuh hamparan tali.
4	Ngetu ngins <u>ap</u> as <u>ap</u> bekend <u>ap</u> pun rang <u>ang</u> . (Pengulangan suku kata <u>ap</u> dan diakhiri dengan suku kata <u>ang</u> )	Berhenti sebentar mengunyah biji pinang.
5	Manggai di batu kud <u>i</u> kenyal <u>i</u> bakaka tau besap <u>i</u> mua lub <u>ang</u> . (Pengulangan suku kata <u>i?</u> dan diakhiri dengan suku kata <u>ang</u> )	Sampai di batu jadian burung enggang seperti pandai menyuap di permukaan lubang.

**Sumber:** Manuskrip Puisi Timang Jalung Jantin Anak Bunyau

**Jadual 4:** Contoh pengulangan suku kata di akhir perkataan dalam baris dan baris yang diakhiri oleh perkataan bukan suku kata ang

Bil	Timang Jalung	Terjemahan
1	Manggai di tebing batu dind <u>ing</u> ke perench <u>ing</u> bandung sempe <u>at</u> . (Pengulangan suku kata <u>ing</u> dan diakhiri dengan suku kata <u>at</u> )	Sampai di tebing batu bersinar dihinggapi kunang-kunang.
2	Manggai di kerang <u>an</u> lansar renjan empas kaban ikan kep <u>iat</u> . (Pengulangan suku kata <u>an</u> dan diakhiri dengan suku kata <u>at</u> )	Sampai di hamparan batu curam asakan ikan kep <u>iat</u> .
3	Lalu manggai di pun madang nibun <u>g</u> ke bepand <u>ung</u> enda beup <u>a</u> . (Pengulangan suku kata <u>ung</u> dan diakhiri dengan suku kata <u>a</u> )	Kemudian sampai di pepohon nibung berkembar yang tidak berumbut.
4	Manggai di pun madan <u>g</u> pinan <u>g</u> ke bemayan <u>g</u> enda besala <u>a</u> . (Pengulangan suku kata <u>ang</u> dan diakhiri dengan suku kata <u>a</u> )	Sampai di pepohon pinang yang bermayang tidak berbuah.

- 5 *Manggai di tembawai madang lukai sium* Sampai di kawasan pepohon *lukai* yang  
*mealu-alu bau rengut.* mengharum bau wangi.  
 (Pengulangan suku kata *ai* dan diakhiri dengan  
 suku kata *ut*)

**Sumber:** Manuskrip Puisi Timang Jalung Jantin Anak Bunyau

Pengkaji mengenal pasti 33 jenis bunyi suku kata di akhir perkataan yang diulang dalam sesuatu baris. Bunyi tersebut ialah bunyi suku kata vokal, vokal hentian glotis, vokal *a*+konsonan, vokal *i*+konsonan dan vokal *u*+konsonan. Pengulangan suku kata ini telah membentuk rima dalaman dalam baris puisi *timang jalung*. Didapati unsur bunyi ini amat penting dalam membentuk struktur sesuatu baris. Jenis bunyi suku kata dalam baris ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5:** Jenis bunyi suku kata di akhir perkataan dalam sesuatu baris

Vokal	Vokal Hentian Glotis	Diftong	Vokal a + Konsonan	Vokal i + Konsonan	Vokal u + Konsonan
a	a?	ai	ah	ih	uh
i	i?	au	ak	ik	uk
u	u?		al	il	un
			am	in	up
			an	ip	ur
			ap	ir	us
			ar	is	ut
			as	it	ung
			at	ing	
			ang		

Puisi *timang jalung* juga dibentuk oleh rangkap. Pengkaji menamakan rangkap sebagai *entelian*. Satu rangkap terdiri daripada dua atau lebih baris. Bilangan baris dalam sesuatu rangkap adalah tidak menentu. Terdapat rangkap yang hanya terdiri dua baris dan rangkap panjang yang mengandungi 88 baris. Sama seperti baris, struktur rangkap juga terdiri daripada pembukaan rangkap, isi, pengakhiran rangkap dan penutup rangkap. Pembukaan rangkap menggunakan vokabel *uh...uh*. Kemudian diikuti oleh isi rangkap. Pengakhiran rangkap pula dinamakan sebagai *ngempas* yang menggunakan bunyi suku kata *ang* yang terdapat pada akhir perkataan di akhir rangkap. Penutup rangkap sama seperti pembukaan rangkap menggunakan vokabel *uh...uh*. Struktur rangkap boleh dilihat dalam Jadual 6.

**Jadual 6:** Struktur rangkap puisi ‘timang jalung’ iaitu pembukaan, isi, pengakhiran dan penutup



**Timang Jalung**

Nimang Rugan

Uh..uh... (pembukaan rangkap)  
Naka penyuma pengelembau asai.  
Anak Bujang Lemambang Bunsu Puan.  
Niti pentali rumah renjan.  
Enggi kita di Batang Gelenggang Maja Memelan.  
Bejalai nyerumba lemai sabung malam.  
Betenggauka seliau lampu Merikan.  
Mandang peretang penyarang rumah nyeruran.  
Begelih enggau ripih tiang medang lamba tebelian.  
Mensara kita ke bekadunga duduk bekarentam.  
Semadi kena asuh kena asa sida sebayan ke sulai dulu danjan.  
Nimang rugan ke jendam-jendam tiang uh...nanchang ya...  
uh...wai nanchang tiang. (pengakhiran rangkap)  
uh...uh...(penutup rangkap)

Isi

**Terjemahan**

Menyanyikan *Rugan* (Peralatan Roh Orang Mati.)

Terasa amat keberatan. (pembukaan rangkap)  
Anak Bujang Lemambang Bunsu Kera  
Berjalan meniti ruang rumah panjang  
Kepunyaan di rumah panjang Maja  
Berjalan pada waktu malam  
Berpandukan cahaya lampu digantung  
Menyinar seluruh rumah panjang  
Melintasi barisan tiang kayu medang  
Menjarakkan kamu yang duduk bertentangan dan berdekatan  
Kerana saya telah disuruh oleh roh orang mati yang telah meninggal dunia  
Menyanyikan *rugan* yang jelas kelihatan diikat tiang uh...ikatnya.  
Uh..wai ikat tiang. (pengakhiran rangkap)  
Uh...uh...(penutup rangkap)

Isi

**Sumber:** Manuskrip Puisi *Timang Jalung Jantin Anak Bunyau*

Didapati rima akhir puisi *timang jalung* menggunakan bunyi suku kata pada akhir perkataan di akhir baris sesuatu rangkap. Rima akhir dinamakan sebagai *enteli*. Didapati skema rima akhir sesuatu rangkap pula ialah aaab. Contoh rima akhir dapat dilihat dalam Jadual 7.

**Jadual 7:** Skema rima akhir ialah aaaaaaaaaaaaaaaaaaab

<b>Timang Jalung</b>	<b>Terjemahan</b>
Aram tua angu lebu lul <u>ai</u> . – a	Marilah kita berdua sahabat ku.
Ngabas panjuk ke di teluk kampung bes <u>ai</u> . – a	Memeriksa jerat di dalam hutan tebal.
Lalu pasukka kepiu baju lund <u>ai</u> . – a	Lalu dipakai baju panjang.
Lalu tangkin perangin pedang panj <u>ai</u> . – a	Lalu diikat pedang panjang di pinggang.
Lalu kebuka tua pintu ke bedaru bandir mik <u>ai</u> . – a	Lau keluar dari pintu yang dibuat daripada banir kayu.
Lalu titi pentali rumah geg <u>ai</u> . – a	Lalu meniti ruang rumah panjang.
Lalu begelih enggau riph tiang medang lamba lul <u>ai</u> . – a	Lalu melintasi barisan tiang kayu medang.
Datai di pala tangga meda engkeramba dua betunga bakaka tau nanya enggau rasa dabung jur <u>ai</u> . – a	Lalu sampai di tangga utama rumah panjang melihat dua patung yang bertentang muka seperti pandai bertanya.
Lalu dijengkau lalau buluh kir <u>ai</u> . – a	Lalu berpegang di susur tangga.
Lalu turun tangga tukun numpu ke pun nangka lamun bebuah bekatayun tuntun kerig <u>ai</u> . – a	Lalu dituruni anak tangga yang kaki nya tertanam berdekatan pokok nangka yang berbuah bergantung.
Lalu manggai di tengah laman luchak tutuk teratak ujan	Sampai di halaman yang becak kerana ditimpa air hujan.
ke nelian labuh bekaber <u>ai</u> . – a	Lalu dituruni jalan raya bertangga.
Lalu titi panti landi arung jal <u>ai</u> . – a	Sampai di permandian tempat orang tua membersihkan perut babi.
Datai di pendai ili endur aki meruti jani babi ngelamp <u>ai</u> . – a	Ke hilir dan ke hulu sungai.
Ngilika ai ngaki sung <u>ai</u> . – a	Menaiki bukit menuruni banjaran.
Nyerimbang tinting melunggang tata <u>ai</u> . – a	Sampai di sana diperhatikan dengan teliti.
Datai din lalu tentang enggau bulang mata namp <u>ai</u> . – a	Kayu jerat melentur-lentur.
Peda baur nyau bentur sebarang al <u>ai</u> . – a	Tali membelit tumbuhan <i>kerajai</i> .
Peda tali nyau terunti malut keraj <u>ai</u> . – a	Berjalan mendekati perlahan-lahan.
Ansak semak-semak singkang bejal <u>ai</u> . – a	Kelihatan mendapat Ibu Burung Merak
Peda tak nyintak Indai Burung Ru <u>ai</u> . – a	Yang baring berselerakan di banjaran yang sangat lurus.
Ke gali mealai-alai di tata <u>ai</u> lurus belemat <u>ang</u> . – b	

Sumber: Manuskrip Puisi *Timang Jalung* Jantin Anak Bunyau

Pengkaji mengenal pasti 17 jenis *enteli* atau bunyi rima akhir. *Enteli* tersebut ialah bunyi suku kata vokal, bunyi suku kata vokal hentian glotis, bunyi suku kata diftong, bunyi suku kata vokal *a*+konsonan, bunyi suku kata vokal *i*+konsonan dan bunyi suku kata vokal *u*+konsonan. Empat *enteli* yang dominan digunakan dalam puisi *timang jalung* iaitu, bunyi *a*, *ai*, *am/an* dan *ung*. *Enteli* atau rima akhir dapat dilihat dalam jadual 8.

**Jadual 8:** Dapatan kajian tentang ‘enteli’

<b>Vokal</b>	<b>Vokal Hentian Glotis</b>	<b>Diftong</b>	<b>Vokal a + Konsonan</b>	<b>Vokal i + Konsonan</b>	<b>Vokal u + Konsonan</b>
a	a?	ai	ak	ik	uk
i	u?	au	am/an	it	ut
u			ap/at as	ing	ung

Pengkaji mendapati rima dalaman dan rima akhir puisi *timang jalung* saling berkaitan. Baris dalam sesuatu rangkap mengandungi pelbagai jenis bunyi suku kata. Perkataan di hujung baris tersebut diikat oleh bunyi rima akhir atau *enteli*. Ini jelas menunjukkan bahawa bentuk puisi *timang jalung* terikat. Baris dan rangkap diikat oleh bunyi-bunyi suku kata yang turut menimbulkan keindahan. Dalam satu rangkap mengandungi pelbagai jenis bunyi suku kata. Bunyi suku kata dalam baris berubah-ubah dari satu baris ke satu baris dalam sesuatu rangkap. Analisis bunyi suku kata dapat dilihat dalam Jadual 9.

**Jadual 9:** Analisis bunyi suku kata dalam baris dan akhir baris puisi *timang jalung* dalam rangkap yang dinamakan sebagai memeriksa jerat (*ngabas panjuk*)

Baris	Rima Dalam (bunyi suku kata di akhir perkataan dalam baris)		Bunyi Akhir (bunyi suku kata di akhir perkataan di akhir baris - enteli)	
	Perkataan	Suku kata	Perkataan	Suku kata
Aram tua angu lebu repan. Marilah kita berdua sahabat ku.	<i>angu, lebu</i>	<i>u</i>	<i>repan</i>	<i>an</i>
Ngabas panjuk di teluk kampung dalam. Memeriksa jerat di dalam hutan tebal.	<i>panjuk, teluk</i>	<i>uk</i>	<i>dalam</i>	<i>am</i>
Lalu pasukka kepiu baju merikan. Lalu dipakai baju panjang.	<i>kepiu, baju</i>	<i>u</i>	<i>merikan</i>	<i>an</i>
Lalu ditangkin perangin pedang tajam. Lalu diikat pedang panjang di pinggang	<i>ditangkin, perangin</i>	<i>in</i>	<i>tajam</i>	<i>am</i>
Lalu kebu bedaru pintu bandir tekam. Lalu keluar dari pintu yang dibuat daripada banir kayu.	<i>kebu, pintu, bedaru</i>	<i>u</i>	<i>tekam</i>	<i>am</i>
Lalu titi pentali rumah nyeruran. Lalu meniti ruang rumah panjang.	<i>titi, pentali</i>	<i>i</i>	<i>nyeruran</i>	<i>an</i>
Lalu begelih enggau ripih tiang medang lamba tebelian.	<i>begelih, ripih tiang, medang</i>	<i>ih ang</i>	<i>tebelian</i>	<i>an</i>
Lalu melintasi barisan tiang kayu medang Datai di pala tangga meda engkeramba dua betunga bakaka tau nanya nelengaka rasa dabung geman.	<i>pala, tangga, meda, engkeramba, betunga, rasa</i>	<i>a?</i>	<i>geman</i>	<i>an</i>
Lalu sampai di tangga utama rumah panjang melihat dua patung yang bertentang muka, seperti pandai bertanya. Lalu dijengkau lalau buluh payan.	<i>jengkau, lalau</i>	<i>au</i>	<i>payan</i>	<i>an</i>
Lalu berpegang di susur tangga. Lalu turun tangga tukun numpu ke pun nangka lamun ke bebuah bekatayun tuntun perepisan.	<i>turun, tukun, pun, lamun, bekatayun, tuntun.</i>	<i>un</i>	<i>perepisan</i>	<i>an</i>
Lalu dituruni anak tangga yang kaki nya tertanam berdekatan pokok nangka yang berbuah bergantung setinggi perepisan. Lalu datai di tengah laman luchak tunyau teratak beris ujan.	<i>luchak, teratak</i>	<i>ak</i>	<i>ujan</i>	<i>an</i>
Sampai di halaman yang becak kerana ditimpa air hujan. Lalu titi panti landi jalai nyeruran.	<i>titi, panti, landi.</i>	<i>i</i>	<i>nyeruran</i>	<i>an</i>
Lalu dituruni jalan raya bertangga. Lalu datai di pendai ili alai aki meruti jani babi dupan.	<i>pendai, ili, aki, meruti, jani.</i>	<i>i?</i>	<i>dupan</i>	<i>an</i>
Sampai di permandian tempat orang tua membersihkan perut babi. Lalu ngilika ai nengah kerangan.	<i>ngilika, ai</i>	<i>i?</i>	<i>kerangan</i>	<i>an</i>
Ke hilir dan ke hulu sungai. Nyerimbing genting tanah renjan. Menaiki bukit menuruni banjaran.	<i>nyerimbing, genting.</i>	<i>ing</i>	<i>renjan</i>	<i>an</i>
Datai din lalu tentang enggau bulang mata mejam.	<i>tentang, bulang.</i>	<i>ang</i>	<i>mejam</i>	<i>am</i>
Sampai di sana diperhatikan dengan teliti. Peda tali nyau terunti kiba kanan.	<i>tali, terunti</i>	<i>i</i>	<i>kanan</i>	<i>an</i>
Kelihatan tali ditarik ke kanan ke kiri. Peda baur nyau lentur balat tetensam.	<i>baur, lentur.</i>	<i>ur</i>	<i>tetensam</i>	<i>am</i>
Kelihatan kayu jerat melentur-lentur. Ansak semak-semak singkang bejalan. Berjalan mendekati perlahan-lahan.	<i>ansak, semak- semak</i>	<i>ak</i>	<i>bejalan</i>	<i>an</i>

---

<p><i>Peda tak nyintak Indai Burung Sengayan ke lapan belas kaban nadai agi ngensungka pangan ti teguran pampar lelang.</i></p> <p>Kelihatan mendapat Ibu Ayam Hutan yang terdiri daripada lapan belas kumpulan tidak lagi bersiul memanggil ahli kumpulan yang terdiam berpisah.</p>	<p><i>sengayan, lapan, kaban, pangan, teguran.</i></p> <p><i>an lelang ang</i></p>
---	--

---

**Sumber:** Manuskrip Puisi Timang Jalung Jantin Anak Bunyau

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Baris atau *telian* puisi *timang jalung* mempunyai rima dalaman yang terbentuk daripada pengulangan dua atau lebih bunyi suku kata pada akhir perkataan. Bunyi suku kata dalam baris ini telah dibincangkan oleh Patricia Matusky (2004) dalam kajian beliau ke atas puisi *pantun*. Menurut beliau, bunyi suku kata dalam akan bertukar dari baris ke baris dan bunyi yang diulang ini akan membentuk rima dalaman. Masing (2001) juga menyentuh perkara ini dalam kajiannya ke atas puisi *timang amat*. Menurut beliau rima dalaman menggunakan bunyi yang sama pada akhir suku kata. Beliau memberi satu contoh bunyi suku kata di akhir perkataan berikut *gilik, tasik, indik, kalik dan mudik*. Dalam kajian puisi *timang jalung* ini dapatlah dikatakan bahawa semua baris dalam puisi *timang jalung* mempunyai pengulangan bunyi suku kata di akhir perkataan. Pengulangan tersebut melibatkan satu jenis bunyi ataupun lebih. Sama seperti dapatan Patricia Matusky, bunyi tersebut bertukar-tukar dari satu baris ke satu baris.

Rangkap atau *entelian* mengandungi dua atau lebih baris atau *telian* yang mengandungi sesuatu isi. Dapatan ini sama dengan definisi rangkap dalam puisi *pantun* yang dinyatakan oleh Patricia Matusky (2004) iaitu, rangkap dibentuk oleh sekumpulan baris yang menyatakan sesuatu idea. Bunyi akhir suku kata pada perkataan di akhir baris akan membentuk skema bunyi akhir yang dinamakan sebagai *enteli*. Patricia Matusky juga menemui elemen ini dalam puisi *pantun* tetapi tidak memberikan nama *enteli*. Beliau menyatakan unsur pengulangan bunyi suku kata sebagai konvensi puitis (*poetical convention*). Sather (2001) dalam kajian puisi *pelian* menyatakan bunyi suku kata akhir di akhir baris sebagai *enteli* atau *enteli main*. Beliau memberikan contoh *enteli main* iaitu bunyi suku kata *an, a* atau *a?, ai, ang, ung, i, uk, au, u?* dan *ak*. Jantan Uambat (2013) dalam kajiannya terhadap puisi *pelian* juga menamakan bunyi suku kata pada perkataan di akhir baris ini sebagai *enteli* dan memberikan contoh bunyi suku kata *ap* dan *at*. Philip Langie (2013) dalam penulisannya tentang puisi *jaku main*, menamakannya sebagai *batang entelie*. Sementara Masing memberikan skema akhir baris sebagai pola *aaab* dan *abab*.

Pengkaji mendapati suku kata yang di akhir perkataan yang berbeza fonem tetapi dianggap sama bunyi. Bunyi tersebut ialah bunyi suku kata *am* sama dengan *an*, bunyi *ap* sama dengan *at*, bunyi *up* sama dengan bunyi *ut*, bunyi *ir* sama dengan bunyi *il*. Pasangan bunyi ini dianggap sebagai kategori bunyi yang sama. Persamaan tersebut dapat dilihat dalam jadual 10 dan 11.

**Jadual 10:** Persamaan bunyi am dengan an, at dengan ap, un dan um, up dengan ut serta bunyi il dengan ir dalam baris

<b>Timang Jalung</b>	<b>Terjemahan</b>
<i>Gulai meny<u>an</u> tan<u>am</u> tanak jan<u>am</u> bini Sultan Tuan Linsung</i>	Dicampuri kemenyan Isteri Sultan Tuan Linsung.
<i>Peda pemanah jelapa baku kans<u>at</u> enggi kita ditu bakaka tau nyurungka ins<u>ap</u> ngeray<u>ap</u> ngelaungka lubang.</i>	Lihat betapa cantiknya celepa <i>kansat</i> kamu sini seperti pandai merayap mengelak lubang memberi rokok.
<i>Naka pengelembau asai aku ngejangka Endu Sedi Lulu<u>n</u> iya ke ditu<u>m</u> atas bedilang.</i>	Terasa amat keberatan aku meninggalkan Endu Endu Gambir yang disalai di atas dapur.
<i>Per<u>ut</u> ru<u>tup</u>-ru<u>tup</u> balu<u>t</u> luku<u>t</u> danan segala.</i>	Kelihatan perut besar dibaluti lumut rotan bulat.
<i>Bandi<u>r</u> nyau nyeriki<u>l</u> bedi<u>l</u> dua betipan.</i>	Banirnya dua pucuk meriam berdekatan.

**Sumber:** Manuskrip Puisi Timang Jalung Jantin Anak Bunyau

**Jadual 11:** Bunyi suku kata am dan an sebagai rima akhir

<b>Timang Jalung</b>	<b>Terjemahan</b>
<i>Naka penyuma pengelembau asai.                  Anak Bujang Lemambang Bunsu Puan.                  Niti pentali rumah ren<u>jan</u>.                  Enggi kita di Batang Gelenggang Maja Memela<u>n</u>.                  Bejalai nyerumba lemai sabung mala<u>m</u>.                  Betenggauka seliau lampu Merika<u>n</u>.                  Mandang peretang penyarang rumah nyerura<u>n</u>.                  Begelih enggau ripih tiang medang lamba tebelia<u>n</u>.                  Mensara kita ke bekadunga duduk bekarenta<u>m</u>.                  Semadi kena asuh kena asa sida sebaran ke sulai dulu dan<u>an</u>.                  Nimang rukan ke jendam-jendam nanchang tiang.</i>	Terasa amat keberatan. Anak Bujang Lemambang Bunsu Puan. Berjalan meniti ruang rumah panjang. Kepunyaan di rumah panjang Maja. Berjalan pada waktu malam. Berpandukan cahaya lampu digantung. Menyinar seluruh rumah panjang. Melintasi barisan tiang kayu medang. Menjarakkan kamu yang duduk bertentangan dan berdekatan. Kerana saya telah disuruh oleh mereka yang telah meninggal dunia. Menyanyikan <i>rukan</i> yang jelas kelihatan diikat pada tiang.

**Sumber:** Manuskrip Puisi Timang Jalung Jantin Anak Bunyau

Pengkaji-pengkaji puisi tradisional Iban telah mengenal pasti *enteli* mempunyai nama. Sather telah memberikan lima nama *enteli* sementara Philip Langie 14 nama. Nama tersebut mempunyai persamaan dari segi suku kata akhir perkataan dalam baris yang menjadi *enteli*. Contohnya bunyi *a?* diberi nama *lebu nyangka?* atau *batang lebu bedaja?* kerana mempunyai persamaan bunyi suku kata di akhir perkataan. Walau bagaimanapun nama *enteli* yang dinyatakan oleh Sather dan Philip Langie tidak membezakan bunyi vokal dan vokal hentian glotis yang sudah tentunya mempunyai bunyi yang berbeza. Lihat jadual 12.

**Jadual 12:** ‘Enteli’ mengikut dapatan kajian dan nama ‘enteli’ menurut Sather dan Philip Langie

Bil	Enteli mengikut dapatan kajian.	Enteli Main (Sather)	Batang Enteli (Philip Langie)
1	Bunyi vokal <i>a</i>	<i>lebu nyangka?</i>	<i>batang Lebu asa? atau sina?</i>
2	Bunyi hentian glotis <i>a?</i>	<i>lebu nyangka?</i>	<i>batang Lebu bedaja?</i>
3	Bunyi vokal <i>i</i>	<i>lebu nang<sub>i</sub></i>	<i>batang lebu nang<sub>i</sub> atau nyeni?</i>
4	Bunyi vokal <i>u</i>		<i>batang lebu entipu</i>
5	Bunyi hentian glotis <i>u?</i>	<i>-u' (tiada nama)</i>	<i>batang lebu ngaku?</i>
6	Bunyi diftong <i>ai</i>	<i>lebu nag<sub>ai</sub></i>	<i>batang lebu nag<sub>ai</sub></i>
7	Bunyi diftong <i>au</i>	<i>-au (tiada nama)</i>	<i>batang lebu nginau</i>
8	Bunyi suku kata <i>ak</i>	<i>-ak (tiada nama)</i>	<i>batang lebu nginak</i>
9	Bunyi suku kata <i>am/an</i>	<i>lebu ngidan</i>	<i>batang lebu ngidan</i>
10	Bunyi suku kata <i>as</i>	-	-
11	Bunyi suku kata <i>at/ap</i>	-	-
12	Bunyi suku kata <i>uk</i>	<i>-uk (tiada nama)</i>	<i>batang lebu engkauk</i>
13	Bunyi suku kata <i>ung</i>	<i>lebu nyangkung</i>	<i>batang lebu nyangkung</i>
14	Bunyi suku kata <i>ut</i>	-	-
15	Bunyi suku kata <i>ik</i>	<i>-ik (tiada nama)</i>	<i>batang lebu</i>
16	Bunyi suku kata <i>it</i>	-	<i>batang lebu megit</i>
17	Bunyi suku kata <i>ing</i>	-	<i>batang lebu empating atau ngining</i>

Pengkaji mendapati nama *batang enteli* yang dinyatakan oleh Philip Langie mempunyai persamaan dengan nama panggilan sahabat dalam puisi *timang jalung*. Pengkaji berpendapat berkemungkinan besar nama *enteli* wujud dari nama panggilan sahabat dalam sesuatu genre puisi tradisional. Nama panggilan sahabat yang digunakan dalam puisi *timang jalung* yang dikaji ialah *wai nagai lebu nyambut, tua angu mentipu lebu ngandak, tua ining mempating lebu mentipu, tua angu mentipu lebu nyangkung, tua angu mentipu lebu ngumbuk, tua angu mentipu lebu mating, tua angu mentipu lebu lupai, tua angu mentipu lebu repan, tua angu lebu lulai dan wai nagai lebu repan*. Nama-nama panggilan ini mempunyai persamaan bunyi suku kata di akhir perkataan. Contohnya nama panggilan sahabat *wai nagai lebu nyambut* mengandungi persamaan bunyi suku kata *ut* dan *tua angu mentipu lebu ngandak* mengandungi persamaan bunyi suku kata *ak*. Lihat Jadual 13.

**Jadual 13:** Contoh penggunaan nama panggilan dalam rangkap. Bunyi suku kata dalam nama panggilan sama dengan 'enteli' dalam rangkap

<i>Timang Jalung</i>	Terjemahan
<i>Nama utai ti guntam-guntam dut-dedut?</i>	Apa yang berbunyi hingar bingar?
<i>Kada enda auh nyawa renyuan champur singut.</i>	Umpama bunyi serangga dan lebah.
<i>Ke mempalut pun dan.</i>	Yang hinggap di pangkal dahan.
<i>Ukai nya wai Nagai Lebu Nyambut.</i>	Bukan wahai sahabat ku.
<i>Nya auh nyawa Anak Bujang Lemambang Sempidan Bangkut.</i>	Itu kan sayup suara Anak Bujang Lemambang Sempidan Bangkut.
<i>Iya ke teruba nyebut berengkah nimang.</i>	Baharu sahaja memulakan nyanyian puisi.
<i>Nama dut-dut guntam-geguntam?</i>	Apa yang berbunyi hingar-bingar?
<i>Munyi selulut ribut angin selatan.</i>	Umpama bunyi tiupan angin ribut dari selatan.
<i>Munyi bua ke bepangka jauh malam.</i>	Umpama bunyi puting beliung yang mengganas di kejauhan malam.
<i>Kada enda nyawa manyi champur renyuan.</i>	Umpama bunyi serangga dan lebah
<i>Berebutka sengkitan tikung direjang.</i>	Berebut masuk ke lubang sarang.
<i>Ukai nya wai Nagai Lebu Repan.</i>	Berebut masuk ke lubang sarang.
<i>Nya ga auh nyawa Anak Bujang Lemambang Bunsu Puan.</i>	Bukan wahai sahabat ku.
<i>Ke teruba uman bebantaika suran jalung timang.</i>	Itu suara Anak Bujang Lemambang Bunsu Puan. Yang baharu sahaja mempersembahkan mangkuk jalung.

**Sumber:** Manuskrip Puisi Timang Jalung Jantin Anak Bunyau

*Enteli* mempunyai kaitan dengan isi dalam sesuatu rangkap puisi *timang jalung*. Isi sesuatu rangkap mungkin merupakan tujuan, nama watak, nama objek, nama tempat atau atur cara. Contohnya

rangkap yang menyanyikan peralatan anyaman roh orang mati, *gadai* maka *enteli* untuk rangkap tersebut ialah bunyi *ai*. Bunyi *ai* ialah datang daripada bunyi suku kata di akhir perkataan *gadai*. Lihat Jadual 14.

**Jadual 14:** Isi rangkap ialah menyanyikan peralatan anyaman roh orang mati, *gadai*. Bunyi *ai* yang terletak di hujung perkataan *gadai*. Bunyi suku kata untuk rima akhir ialah *ai*

<i>Timang Jalung</i>	Terjemahan
<i>Naka penyuma pengelembau asai.</i>	Terasa amat keberatan.
<i>Anak Bujang Lemambang Bunsu Tupai.</i>	Anak Bujang Lemambang Bunsu Tupai.
<i>Niti pentali rumah panjai.</i>	Bejalan meniti ruang rumah panjang.
<i>Enggi kita di Batang Gelenggang Maja Lelepai.</i>	Kepunyaan di rumah panjang Maja.
<i>Begelai nyerumba malam sabung lemai.</i>	Berjalan pada waktu malam.
<i>Betenggauka seliau lampu kedai.</i>	Berpandukan cahaya lampu digantung.
<i>Mandang peretang penyarang rumah panjai.</i>	Menyinari seluruh rumah panjang.
<i>Begelih enggau ripih tiang medang lamba lulai.</i>	Melintasi barisan tiang kayu medang.
<i>Mensara kita ke bekadunga duduk berimbai.</i>	Menjarakkan kamu yang duduk bertentangan dan berdekatan.
<i>Semadi aku kena asuh kena asa sida sebayan ke danjan dulu sulai.</i>	Kerana saya telah disuruh oleh mereka yang telah meninggal dunia.
<i>Nimang gadai ke tau bebal nyadi ngeluai besai sapar bawang.</i>	Menyanyikan <i>gadai</i> yang boleh bertukar bentuk menjadi celepa tembaga.

**Sumber:** Manuskrip Puisi *Timang Jalung Jantin Anak Bunyau*

Pengkaji mendapati bunyi suku kata di akhir perkataan dalam baris dan akhir baris mempunyai kaitan dengan ingatan *lemambang* dan penyampaian secara lisan. Contohnya (rujuk jadual 9) dalam rangkap *ngabas panjuk* (memeriksa jerat), *enteli* ialah *am/an*. Maka rima akhirnya terdiri daripada perkataan yang mempunyai suku kata *am/an*. *Enteli* untuk rangkap ini membantu *lemambang* mengingat perkataan di akhir baris. Bunyi suku kata di akhir perkataan dalam baris pula digunakan untuk mengingat perkataan sesuatu baris. Contohnya (rujuk jadual 9) dalam baris *lalu turun tangga tukun numpu di pun nangka lamun ke bebuah bekatayun tuntun perapisan*. Dalam baris ini, bunyi suku kata *un* pada perkataan *turun* akan membantu *lemambang* mengingat perkataan yang berikutnya iaitu, *tukun*, *pun*, *lamun*, *bekatayun* dan *tuntun*. Bunyi *an* pada perkataan *perapisan* pula diingat berdasarkan *enteli* dalam rangkap tersebut. Pengulangan suku kata dalam baris dan akhir baris dalam rangkap sesuai dengan sifat puisi *timang jalung* yang disimpan dalam ingatan *lemambang* dan disampaikan secara lisan dalam jangka masa yang panjang.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, bentuk puisi *timang jalung* diolah berdasarkan unsur pengulangan bunyi suku kata. Unsur bunyi ini terletak pada bunyi suku kata yang berada di akhir perkataan dalam baris yang membentuk rima dalaman. Unsur bunyi ini juga berada di akhir perkataan di akhir baris dalam rangkap yang membentuk rima akhir. Ia penting untuk *lemambang* kerana ia dapat digunakan sebagai 'kod' untuk mengingat dan menyampaikan puisi *timang jalung*. Tanpa unsur bunyi adalah mustahil *lemambang* mampu mengingat teks puisi *timang jalung* yang mengandungi beribu-ribu perkataan. Didapati pendapat Otto Steinmayer (1999) yang menyatakan puisi Iban dibangunkan dengan sangat baik dan rima digunakan para *lemambang* untuk membentuk rangkap yang dijalin erat dan penuh muzik bahasa adalah boleh diterima konteks puisi *timang jalung*. Pengulangan bunyi suku kata juga mewujudkan konvensi puitis dalam puisi *timang jalung* sama seperti apa yang dinyatakan oleh Patricia Matusky (2014) dalam kajian puisi tradisional Iban *pantun*.

Bentuk puisi *timang jalung*, iaitu baris dan rangkap distrukturkan oleh keanekaragaman unsur bunyi yang membentuk unsur keindahannya. Unsur keindahan bunyi seperti ini wujud pantun Melayu seperti yang dijelaskan oleh Mohammad Salleh (dalam Abdul Halim Ali, 2011) jaringan bunyi yang rumit, jalinan dan mainan bunyi vokal dan konsonan yang kompleks, dan bunyi-bunyi ini bergema, bersahut-sahutan serta berulang-ulang dalam seluruh bait pantun. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi pengetahuan tentang konvensi dan bentuk *timang jalung* yang merupakan puisi kesusasteraan

tradisional. Pengetahuan tersebut dapat dijadikan sumber rujukan kepada para penulis untuk mencipta puisi moden yang berakar-umbikan tradisi untuk memperkembang dan memartabatkan bahasa dan kesusasteraan Iban. Usaha mermartabatkan bahasa dan sastera adalah tepat dengan apa yang dinyatakan oleh Siti Khariah Mohd Zubir (2011) seseorang yang mengagungkan bahasa seharusnya mengagungkan budaya atau sastera bangsanya. Lebih tinggi taraf kebahasaan maka lebih tinggi nilai kebudayaannya.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ali. (2011). Konsep keindahan dalam Kesusasteraan Melayu tradisional. *PENDETA – Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu, Vol 2*, 99-117.
- Benedict Sandin. (1972). *Gawai Antu*. Borneo Literature Bureau.
- Jantan Uambat, (2013). The Richness and the Power of Word in Pelian (Healing Chant). *Ngingit*, 4, 94-97.
- Mana Sikana. (2015). *Penulisan Akademik Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Otto Steinmayer. (1999). *Jalai Jaku*. Klasik Publishing House.
- Patricia Matusky, (2004). The Iban Pantun – Poetry and Song. *Wacana Seni Journal of Art Discouse. J Vol 3*, 61-85.
- Philip Langie. (2013). *Tikah Mansau Iban Pelilih Menua Saratok*. Yayasan Kebudayaan Dayak.
- Sather, C. (2001). *Seeds of Play, Words of Power. An Ethnographic study of Iban Shamanic Chants*. Tun Jugah Foundation.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2011). Bahasa Melayu dan Sastera Mempunyai Hubungan Simbiosis Dalam Membina jati diri generasi moden. *PENDETA – Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu, Vol 2*, 86-98.
- Tun Jugah Foundation. (2001). *The Encyclopaedia of Iban Studies, volume 1-4*. Ampang Press.
- Manuskrip Puisi *Timang Jalung* Jantin Anak Bunyau.